

1. LATARBELAKANG PROJEK

Malacha Sdn. Bhd. (MSB) akan mendirikan kemudahan pemerolehan kembali luar tapak bagi bahan buangan SW305, SW 306, SW 307, SW 308, SW 309, SW 310, SW 311, 312, SW 314, SW 409 and SW 410 di PT 13637 dan PT 13638 (Plot 255 & Plot 256), Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka Tengah, Melaka.

Luas bagi kawasan Projek yang dibangunkan adalah 5,213.44 meter persegi (1.29 ekar). Secara ringkasnya, Projek kemudahan pemerolehan kembali luar tapak adalah dirujuk sebagai "Projek". Tapak Projek adalah dibawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

1.1 TAJUK PROJEK

Tajuk Projek ialah "Preliminary Environmental Impact Assessment (PEIA) for The Proposed Off-Site Scheduled Waste Recovery Facilities (SW 305, SW 306, SW 307, SW 308, SW 309, SW 310, SW 311, SW 312, SW 314, SW 409 & SW 410) on PT 13637 and PT 13638 (Plot 255 & Plot 256), Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka Tengah, Melaka".

1.2 LOKASI PROJEK

Tapak Projek terletak kira-kira 5km dari arah Timur Sg. Udang dan 5km dari arah Selatan Bandar Cheng. Jalan alternatif ke tapak Projek adalah melalui Lebuh raya Sg. Udang-Paya Rumput-Ayer Keroh (SPA) yang berhubung dengan Jalan Sg. Udang dari Barat tapak Projek dan Lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMI) dari Timur tapak Projek. Rujuk **Rajah RE-1**; pelan kunci tapak Projek dan **Rajah RE-2**; pelan lokasi tapak Projek.

Tapak Projek terletak di latitud $02^{\circ} 17' 23.4''$ U dan longitud $102^{\circ} 10' 21.2''$ T.


Koordinat tapak Projek adalah ditunjukkan dalam **Rajah RE-3**.

Rajah RE-1: Pelan Kunci Tapak Projek



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah (2003-2015)

Rajah RE-2: Pelan Lokasi Tapak Projek di Lot 1551 (PT 255 and PT 256)



Rajah RE-3: Koordinat Geografi Tapak Projek



Sumber: Google Earth Pro, 2015

1.3 STATUS TANAH

Tapak Projek terletak di PT 13637 dan PT 13638 Kawasan Perindustrian Bukit Rambai. Merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah (RTDMT) (2003-2015), kawasan tapak diwartakan sebagai Kawasan Perindustrian Khas.

1.4 STATUS PENGGERAK PROJEK

Penggerak Projek bagi Projek ini adalah Malacha Sdn. Bhd. (MSB). Penggerak Projek boleh dihubungi di alamat berikut:

MALACHA SDN. BHD. (767653-P)
Lot 1003, Mukim Tanjong Minyak,
Bukit Rambai, 75250 Melaka

No. Telefon. : 06-3516811/06-3516911
No. Faks : 06-3516118
Nama : Mr. Chew Kheng Hiang
Jawatan : Managing Director
Alamat Email : malachasb@hotmail.com

1.5 KONSULTAN ALAM SEKITAR

Velcro Envirotech Sdn. Bhd. (VETSB) telah dilantik oleh Penggerak Projek untuk menjalankan kajian EIA dan mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar seperti yang dikehendaki. Sebarang pertanyaan atau surat-menyerat berkenaan dengan kajian EIA ini boleh ditujukan kepada VETSB:

No. Telefon. : 05 - 357 2189
No. Faks : 05 -357 2353
Nama : **Mohd Shah Rizal Zohri**
Jawatan : Perunding EIA
Alamat Email : shahrizal@velcro2e.com.my

1.6 KEPERLUAN BERKANUN

Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Projek ini tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)

(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015 dibawah "Aktiviti 14 (a) (ii): Pembinaan Loji Pulihguna (Luar Tapak)".

Sesiapa yang bercadang untuk menjalankan aktiviti ini dikehendaki mengemukakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk pertimbangan, seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 (Pindaan) 2012.

2. KEPERLUAN PROJEK

Malacha Sdn. Bhd. (MSB) telah terlibat dalam perniagaan diesel, dan minyak bahan api lebih dari sembilan (9) tahun. Alamat Premis yang terkini ialah Lot 1003, Mukim Tanjong Minyak, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka.

Oleh kerana permintaan yang tinggi daripada pelanggan, MSB akan memajukan lagi perniagaan dengan membina sebuah premis kemudahan pemerolehan kembali luar tapak.

Keperluan Projek yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Permintaan untuk kemudahan pemulihan;
- Penghasilan buangan berjadual;
- Mengoptimumkan sisa; dan

3. PILIHAN PROJEK

Pilihan projek yang berkaitan dengan Projek boleh dibahagikan kepada empat (4) aspek seperti di bawah:

- Pilihan Kemudahan;
- Pilihan Tapak;
- Pilihan Teknologi; dan
- Pilihan "Tidak Dibina" .

4. KETERANGAN PROJEK

4.1 KONSEP PROJEK


Projek ini melibatkan pemulihan buangan berjadual SW305, SW306, SW307, SW308, SW309, SW310, SW311, SW312, SW314, SW409, dan SW410.

4.2 KETERANGAN PROSES

4.2.1 ALIRAN PROSES UMUM

Rajah RE-4 menunjukkan aliran proses umum bagi Loji Cadangan.


Rajah RE-4: Aliran Proses UmumLoji Cadangan



4.2.2 Proses Pemerolehan Kembali

Rajah RE-5 menunjukkan proses umum bagi loji pemulihan.

Rajah RE-5: Proses Pemerolehan SW 305 SW 306, SW308, SW 310, SW 311, SW 312 and SW 314




Petunjuk:

 Produk


 Sisa

(Mei 2015)


Rajah RE-7: Proses Pemerolehan SW 409




Rajah RE-8: Proses Pemerolehan SW 410 (Penapis Minyak)



Rajah RE-9: Proses Pemerolehan SW 410 (Kain Tercemar)







4. 2. 3 CARTA KESEIMBANGAN

Rajah RE-10 hingga Rajah RE-19 menunjukkan carta keseimbangan proses pemerolehan.


Rajah RE-10: Carta Keseimbangan untuk Proses Pemerolehan SW 305 dan SW 306




Rajah RE-11: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan SW 307




Rajah RE-12: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan SW 309




Rajah RE-13: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan SW308




Rajah RE-14: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan SW310




Rajah RE -15: Carta Keseimbangan Proses Pemuliharaan SW311, SW312 & SW314




Rajah RE-16: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan SW409



Rajah RE-17: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan Penapis Minyak (SW410)



Rajah RE-18: Carta Keseimbangan Proses Pemulihan Kain Tercemar (SW410)



5. PERSEKITARAN SEDIA ADA

5.1 Persekitaran Fizikal

Tapak Projek terletak di kawasan tanah yang beralun dan kawasan tertinggi dalam lingkungan 1km dari tapak Projek adalah 0.47m di Barat tapak Projek. Sg. Ayer Salak terletak lebih 1km dari tapak Projek manakala Sg.Ulu Bertam terletak 0.48km di bahagian Utara tapak Projek. Walaubagaimanapun, aliran Sg.Ulu Bertam tidak bersambung dengan tapak Projek.

Berasaskan data kajicuaca dari tahun 2011 hingga 2015, bacaan hujan bulanan adalah tinggi pada bulan Julai 2014; sebanyak **310.4mm** dan bacaan paling rendah adalah pada bulan Januari 2014; sebanyak **31.8mm**. Bilangan hari hujan yang paling banyak adalah pada bulan November 2011, iaitu sejumlah **24** hari manakala bilangan hari hujan yang paling sedikit adalah sebanyak **2** hari.

Secara umumnya, bacaan purata tertinggi bagi 24 jam suhu direkodkan dalam bulan Jun 2014; iaitu sejumlah **29.0° C** manakala bacaan terendah direkodkan adalah pada bulan Januari 2011; sejumlah **25.8° C**.

Bacaan tertinggi dan terendah bagi 24 jam purata kelembapan relatif yang telah direkodkan di Stesen Melaka dari Januari 2011 hingga 2015 adalah

86.3 peratus pada tahun 2012 dan **72.1** peratus pada bulan Februari 2014. Bacaan bagi purata sejatan harian menunjukkan bahawa bacaan tertinggi dicatatkan pada bulan Februari 2015 (**7.6mm**). Manakala, bacaan terendah telah dicatatkan pada bulan Disember 2012 (**2.8mm**).

Frekuensi tertinggi arah angin adalah dari arah Timur Laut dengan peratusan sebanyak 32.1%.

Berdasarkan keputusan analisis kualiti air untuk semua parameter di lokasi pemantauan (W3 dan W4), kesemua bacaan adalah di bawah Standard B; efluen perindustrian. Pemantauan kualiti air di lokasi pemantauan W1 dan W2 tidak dijalankan kerana tiada air mengalir keluar dari tapak Projek semasa pemantauan.

Manakala, keputusan pemantauan kualiti udara untuk TSP, SO₂, NO₂, CO, PM₁₀ dan PM_{2.5} di lokasi pemantauan adalah di bawah had Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia. Ini menunjukkan bahawa keadaan kualiti udara sebelum pembinaan tidak memberi impak yang besar kepada sekitar.

Rekod pemantauan bunyi bising di lokasi (N1:tapak Projek, N2:Kawasan perumahan (Taman Bertam Impian), dan N3:Kawasan perumahan (Taman Seri Bertam)) dibandingkan dengan garis panduan yang disyorkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk waktu siang dan waktu malam. Berdasarkan keputusan, hasil bacaan yang direkodkan dari stesen pemantauan untuk N2, dan N3 adalah melebihi garis panduan JAS yang disyorkan. Sementara bacaan stesen pemantauan di N1 tidak melebihi had yang disyorkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Peta topografi ditunjukkan sekitar tapak Projek ditunjukkan dalam Rajah RE-19. Manakala penggunaan tanah dan kemudahan awam di sekitar 5 km dari tapak Projek adalah seperti di dalam **Jadual RE-1**.

Rajah ES-19: Penggunaan Tanah Lima (5) Km Dari Tapak Projek




Kompleks Penjara Sg. Udang



Tapak pelupusan Sampah Sg. Udang



Rumah Burung



Skala: 1.4cm: 1km

Petunjuk:

- Tapak Projek
- Kawasan Perumahan
- Kawasan Industri
- Komersial
- Tumbuh-tumbuhan

Sumber: Peta Topografi, Melaka 2002



Kawasan Perumahan Dalam Pembinaan



Pokok Renek



Kolam Takungan Banjir

Jadual RE-1: Penggunaan Tanah Sekitar Lima (5) km dari Tapak Projek

Arah	Jarak (km)	Penerangan
Utara	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Seri Bertam) • Kawasan perumahan dalam pembinaan • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Sg. Bertam Ulu
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Seri Bertam) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Pertanian (Ladang Chan Cheng Siew) • Sg. Bertam Ulu, Sg. Ayer Merbau • Kawasan berbukit dan hutan
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Pertanian (Ladang Ten Kiew Tai, Ladang Yong Tick, Ladang Kembia) • Sg. Ayer Merbau
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Pertanian (Ladang Chan Seng Kee, Ladang Kembia, Ladang Sin Chuan San, Ladang Pegoh, Ladang Kembia, Ladang Ten Kiew Wai) • Bukit (Bt. Undan, Bt. Batu Puteh, Bt. Hantu, Bt. Wal)
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Lendu Dalam, Kg. Pondok Sepam) • Pertanian (Ladang Chan Kang Swi, Ladang Ban Lee, Ladang Ong Yap Chin, Sime Darby Plantation, Sime Darby Kemuning Estate) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Bukit (Bt. Putus, Bt. Batu Puteh, Bt. Gajus) • Sg. Siput
Timur	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Bertam Impian, Kg. Bertam Ulu) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Pokok renek
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Bertam Impian, Kg. Bertam Ulu, Taman Bertam Setia, Kg. Alur) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Pertanian (Ladang Chan Cheng Siew, Ladang Cheng)
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Alor, Taman Bertam Permai, Kg. Ayer Supai, Kg. Bertam Ulu, Kg. Alor Jaya, Taman Bertam Permai, Taman Bertam Indah, Taman Bertam Ulu)
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Paya Emas, Taman Cheng Setia, Taman Bertam Jaya, Kg. Tanjung Minyak) • Pertanian (Ladang Paya Rumput)
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Paya Emas, Taman Bertam Jaya, Taman Tanjung Indah, Taman Paya Rumput, Taman Seri Paya Rumput, Taman Paya Rumput Permai, Taman Paya Rumput

		<p>Indah, Taman Paya Rumput Bahagia, Taman Paya Rumput Perdana, Kg. Solok, Taman Cheng Jaya, Taman Pewira, Rumah Awam Cheng, Kg. Tanjung Minyak, Taman Tanjung Indah, Taman Cheng Setia)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan komersial (Rumah Kedai Taman Paya Rumput, TESCO Cheng) • Kawasan perindustrian (Industri plastik dan keluli) • Sg. Ayer Hitam
Selatan	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit dan pokok kelapa) • Pokok renek
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Ayer Salak) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai)
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Rambai Idaman, Taman Ayer Salak) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Kawasan tadahan banjir
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Bukit Kechil, Kg. Seberang Gajah, Taman Rambai Jaya, Taman Rambai Sutera, Taman Rambai Murni, Taman Bukir Rambai Seksyen 2, Kg Gedung Lalang, Taman Malim Jaya, Taman Tanjung Minyak Jaya, Taman Rambai Utama, Taman Rambai Indah, Rumah Awam Datin Fatimah, Kg. Ujong Tanjong, Kg. Paya Luboh) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai) • Tumbuh-tumbuhan (Sawah padi)
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Tengah, Kg. Bukit Rambai, Taman Tanjung Minyak Utama, Taman Tanjung Minyak Setia, Taman Seri Tanjung Minyak, Taman Bukit Rambai, Kg. Gedung Lalang, Taman Seri Rambai, Kg. Paya Mengkuang, Taman Rambai Ria, Taman Rambai Mutiara, Taman Rumah Awam 2 Bukit Rambai, Taman Rambai Emas, Kg. Bukit Salleh, Kg. Paya Luboh, Kg. Tangga Batu Pekan, Taman Tangga Batu Seksyen 1) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Tangga Batu) • Komersial (Agrobazar) • Tumbuh-tumbuhan (Sawah padi, pokok sawit, pokok pisang)
Barat	1	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian (Ladang Rembia) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit, pokok getah) • Kawasan perindustrian (Kawasan Perindustrian Bukit Rambai)
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perindustrian (Durable MIX Sdn. Bhd.) • Tumbuh-tumbuhan (Pokok sawit, pokok getah)
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Kg. Paya Rumput Jaya) • Kawasan perindustrian (Misi Setia Oil dan Gas Sdn. Bhd.) • Sg. Ayer Batu

	4	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Indah, Taman Sg. Udang, Taman Keris Satria, Taman Keris Laksamana, Kg. Paya Rumput Jaya, Taman Desa Taming Sari 2, Kg. Sg. Udang) • Komersial (Pasaraya Econsave Sg Udang, Bandar Baru Sg. Udang) • Kawasan Perindustrian (Petronas Penapisan Melaka Sdn. Bhd.) • Kolam tadahan banjir Taman Indah • Sg. Udang
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perumahan (Taman Desa Taming Sari Fasa 1, Taman Keris Mas, Taman Pahlawan, Taman Seri Terendak, Taman Terendak Permai, Taman Peruna, Perumahan Tentera Taming Sari, Perkampungan Tanah Merah, Kg. Baharu Sg Udang) • Kawasan Perindustrian (Taman Terendak Permai Industrial Area) • Komersial (Sg. Udang Town, Plaza Sg. Udang) • Ppertanian (Pusat Pertanian Sg. Udang, Melaka Tropical Fruit Farm Sg. Udang)

6. PERSEKITARAN BIOLOGI

Kebanyakan tumbuh-tumbuhan di kawasan tapak Projek adalah rumput, dan pohon kecil. Bilangan fauna semakin berkurang di kawasan perindustrian adalah disebabkan oleh pecerobohan manusia yang berterusan. Walaubagaimanapun, terdapat spesies fauna yang biasa dijumpai di kawasan tapak Projek seperti cicak, burung, dan sebagainya. Haiwan yang lebih besar dijangka tidak akan ditemui memandangkan pokok-pokok di dalam kawasan tapak telah ditebang dan kemudahan infra telahpun dibina.

7. PERSEKITARAN MANUSIA

Berdasarkan kajian tapak, aktiviti utama masyarakat tempatan dalam kawasan 5km dari tapak Projek adalah aktiviti pertanian dan juga aktiviti berkemahiran tinggi seperti kerja-kerja teknikal dan professional, pentadbiran, dan juga pengurusan. Aktiviti perindustrian sekitar tapak Projek termasuklah pembekal logam, kitar semula dan pemulihan, gudang, kejuruteraan dan sebagainya.

8. PENILAIAN KESAN DAN LANGKAH KAWALAN

Aktiviti dari tapak Projek akan memberi kesan positif dan juga kesan negatif. Semasa peringkat pembinaan, potensi kesan alam sekitar yang dikenalpasti adalah disebabkan aktiviti pembersihan tapak, pergerakan

keluar masuk bahan binaan, jentera dan juga kerja pembinaan loji pemulihan.

Sementara itu, kesan alam sekitar dari peringkat operasi ialah dari air sisa, penghasilan sisa, dan juga isu-isu keselamatan dari aktiviti tapak.

Kesan positif yang dikaitkan dengan kejayaan pelaksanaan projek termasuklah: -

- Peluang pekerjaan dan perniagaan bagi mereka yang terlibat dalam sektor pembinaan, operasi, dan penyelenggaraan;
- Pengurusan tempat simpanan sisa berjadual yang betul bagi mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar; dan,
- Pengurusan sisa air bagi mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.

9. SISA RESIDU

Kesan yang dikenal pasti semasa peringkat operasi dan penyelenggaraan adalah:

- Pembebasan udara;
- Air tercemar dan sisa kumbahan;
- Buangan terjadual (SW501) daripada aktiviti pemerolehan; dan
- Kesan dari impak kesihatan dan risiko disebabkan masalah dari operasi.

10. KESIMPULAN

Kajian PEIA menunjukkan bahawa Projek berkenaan boleh dilaksanakan dalam cara yang mesra alam. MSB akan bersama-sama memastikan impak dari Projek berkenaan adalah "nominal".

Jadual RE-2: Ringkasan Potensi Impak dan Langkah Tebatan

No.	Isu	Langkah Tebatan yang Disyorkan
Fasa Pembinaan		
1.	Pencemaran udara dan debu disebabkan pergerakan keluar masuk kenderaan, jentera, dan pembebasan gas CO ₂ , SO ₂ dan NO ₂ .	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan penyelenggaraan bagi semua kenderaan dan jentera yang digunakan untuk kerja-kerja pembinaan; • Mengenakan had laju 30km / jam dari jalan masuk (Jalan Nobat); • Kawasan yang terdedah perlulah disiram dengan kerap bagi mengurangkan sebaran debu lebih-lebih lagi semasa cuaca panas dan berangin; • Membina “tyre cleaning bay” di tapak Projek untuk membersihkan lumpur yang melekat pada tayar kenderaan.
2.	Bunyi bising daripada aktiviti pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pembinaan terhadap pada siang hari sahaja (7.00 pg to 7.00 ptg); • Penyenyap bunyi atau mufflers harus digunakan untuk semua peralatan jentera yang bising; • Pembinaan “hoarding” bagi mengurangkan pembebasan bunyi bising ke kawasan persekitaran dan • Peruntukan PPE yang mencukupi
3.	Bahaya trafik lalu lintas semasa pergerakan keluar masuk bahan, kenderaan dan jentera dari sisa buangan dari tapak Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa pemandu mempunyai lesen memandu yang sah dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang baik; • Menjadualkan pergerakan pada siang hari sahaja (7.00 pg to 7.00 ptg); • Pastikan tiada beban berlebihan; • Bahan diatur dengan sempurna dan ditutup menggunakan “tarpaulin”; • Sisa pembinaan mesti diatur dengan betul di dalam kenderaan pengangkutan; • “Emergency Response Plan (ERP)” perlulah sedia untuk dilaksanakan; • Melaksanakan latihan untuk kakitangan pengangkutan berkaitan prosedur kecemasan bagi mengendalikan tumpahan sisa buangan berjadual; <p>Langkah-langkah bagi mengurangkan impak dari kerja pengangkutan sisa buangan berjadual:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kad sisa untuk buangan berjadual perlulah disediakan;

		<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan peralatan keselamatan dan kecemasan seperti peti kecemasan, alat pemadam api, dan lain-lain untuk tujuan kecemasan semasa pengangkutan bahan buangan terjadual. <p>Panduan kerja-kerja pengangkutan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jalan raya utamadun lebuhraya digunakan manakala kawasan sensitif, berturap dan jalan raya yang rosak haruslah dielakkan; • Jalan raya yang sesak dengan kepadatan trafik yang tinggi perlu dielakkan dan digunakan di luar waktu puncak; dan • Sisa buangan perlu dihantar kepada premis penerima dan tidak dihantar ke premis yang tidak diluluskan.
4.	Kualiti air	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan tapak perlu dijadualkan pada musim kering; • Melaksanakan “BMPs” seperti “parameter drain, silt trap” dan “cleaning bay” . • Kawasan pengumpulan dan penyimpanan bahan binaan sementara perlu ditutup menggunakan plastik dan terletak jauh dari longkang; dan • Longkang sedia ada perlulah diselenggara secara berkala.
	Kualiti air disebabkan pelepasan sisa kumbahan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan tandas mudah alih semasa kerja pembinaan; • MSB perlu menyediakan jadual untuk menyelenggara tandas mudah alih bagi mengelakkan tumpahan; dan • Tandas mudah alih perlulah diselenggara apabila mencapai kedalaman sebanyak 2/3 dari kapasiti keseluruhan.
5.	Isu keselamatan dan kesihatan semasa kerja pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi Akta Kilang dan Jentera (Operasi Bangunan dan Kerja Pembinaan Kejuruteraan) (Keselamatan), 1986; • Mengelakkan kerosakan mesin dan jentera dengan menggunakan mesin/ jentera dengan baik dan mengikut langkah-langkah yang telah ditetapkan; • Menggalakkan kesedaran keselamatan serta menyediakan latihan mengenai keselamatan di kalangan pekerja; • Menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan seperti memasang papan tanda keselamatan yang betul, penggunaan PPE, memastikan kawasan kerja selamat dan lantai tidak licin.
7.	Penjanaan sisa (sisa pepejal)	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melakukan pembakaran secara terbuka; • Menggunakan tong sampah untuk sisa pepejal domestik;

		<ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan sisa pepejal akan dilakukan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk dibuang di tapak pelupusan Sg Udang; • Sisa pepejal dari kerja-kerja pembinaan yang boleh dikitar semula seperti keluli, PVC, dan aluminium akan dihantar ke premis kitar semula; • Bahan buangan yang tidak mempunyai nilai ekonomi akan dihantar untuk dilupuskan.
	Penjanaan sisa (sisa buangan berjadual)	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan stor penyimpanan sisa buangan berjadual; • Buangan terjadualakan disimpan secara berasingan mengikut jenis kategori; dan • Buangan Terjadual hendaklah dihantar kepadapengangkut yang berlesen mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pembawa Yang Ditetapkan) (Buangan Terjadual) 2005.
6.	Pekerja	<p>Mengutamakan pengambilan pekerja tempatan berbanding warga asing. Langkah-langkah berikut perlu diambil jika pekerjaan perlu melibatkan warga asing:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan pemeriksaan perubatan - Melakukan semakan rekod jenayah - Memastikan pekerja berdaftar dengan Jabatan Imigresen <ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa memantau pergerakan pekerja
9.	Peninggalan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan pelan untuk pelupusan struktur dan binaan; • Penukaran tapak projek kepada aktiviti lain; • Mengeluarkan semua struktur dari tapak Projek dan mengekalkan pagar di sekeliling tapak projek bagi mengelakkan sebarang aktiviti haram/tidak bermoral di tapak peninggalan; dan • Menguruskan tapak Projek dengan baik
FASA OPERASI		
10.	Impak lalu lintas disebabkan pergerakan keluar masuk kenderaan untuk kerja-kerja pengangkutan dan penerimaan bahan-bahan ke tapak Projek.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemanduperlu mempunyaillesen memandu yang sah dan memandu dengan berhemah; • Pergerakankenderaan perlu dijadualkan di luarwaktu puncak; • Menyediakan latihanpemanduan yang selamat; • Menyediakan pengawallalulintasterutamapada waktu puncak; dan • Menyediakanlaluan untuk pergerakan kenderaan dan menyediakantempat letak keretaantukkakitangandan pelawat. <p>Bagi mengelakkan tumpahan, MSB akan mengambil langkah-langkah berikut:</p>

		<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan langkah pengendalian yang betul, menggunakan “waste card” , alatan kecemasan dan “ERP” ; dan • Menyediakan latihan kepada pekerja mengenai langkah-langkah pengangkutan yang selamat (berdasarkan “ERP”) dan cara mengendalikan tumpahan.
	<p>Kualiti air disebabkan kerja pengangkutan, kemasukan barang dan aktiviti pemulihan.</p>	<p><u>Pengangkutan bahan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja perlu dijalankan mengikut “SOP” ; • Tong keluli perlulah disusun secara bertingkat (maksimum 2 tingkat) dan dibalut menggunakan plastik bagi mengelakkan pergerakan dan tumpahan semasa kerja pengangkutan; • Dilengkapi dengan “tray” untuk tujuan menyimpan tumpahan dari sisa buangan berjadual semasa kerja pengangkutan; • Dilengkapi dengan alatan kecemasan (dalam keadaan baik) seperti penyodok, alat pemadam api, kon, “google” , sarung tangan kecemasan, serpihan kayu dan sebagainya; • Kenderaan yang digunakan untuk tujuan pengangkutan perlulah merangkumi kos tumpahan/kemalangan/kebakaran dan pembersihan tumpahan; • Menyediakan latihan untuk kerja pengangkutan yang berkaitan dengan langkah-langkah keselamatan; • Penggunaan “waste card” untuk kerja-kerja pengangkutan sisa buangan berjadual; dan • Mengelakkan kesesakan lalulintas dan laluan penduduk. <p><u>Keja-kerja pemunggahan/penerimaan barang:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti hendaklah dijalankan mengikut Piawaian Prosedur Operasi (SOP); • Kerja kemasukan barang perlu dilakukan di ruang pemunggahan barang; • Penghadang tayar perlu digunakan; • Kawasan tanah/lantai perlulah stabil dan rata bagi mengelakkan kenderaan bergerak dan terbalik; • Ruang pemunggahan barang perlu dilengkapi dengan system perparitan dan “sump” . • Memastikan lantai disaluti konkrit dan tidak licin. <p><u>Stor penyimpanan (Tangki penyimpanan):</u></p>

		<ul style="list-style-type: none"> • Tangki yang direka untuk kegunaan bawah tanah tidak boleh digunakan di atas tanah;; • Tangki perlulah diletakkan di atas permukaan yang kukuh dan menggunakan bahan yang tidak mudah terbakar. Cth: Konkrit. • Memastikan paip atas tanah dilindungi dari kerosakan dan tekanan yang mungkin menyebabkan paip pecah; • Paip bawah tanah perlu dilengkapi dengan pelindung kebocoran; • Tangki terbesar mempunyai kapasiti 62m³. Ruang penyimpanan perlulah dihadang menggunakan konkrit sekurang-kurangnya 68.2 m³(110% dari tangki terbesar). • Menyediakan tangki simpanan berlebihan (persediaan sekiranya perlu); • Dilengkapi dengan sistem perparitan, system takungan, longkang/” pump” dan perangkap minyak; • Air sisa (terhasil dari tumpahan semasa aktiviti pembersihan atau hujan lebat) yang terkumpul di penghadang takungan, “sump” / perangkap minyak perlulah dibersihkan secara berkala dan disimpan di dalam tangki SW307 & SW312; • Merekabentuk keupayaan lantai yang sesuai bagi menampung bebanan peralatan dan tangki; • Stor penyimpanan untuk sisa buanagn berjadual perlulah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) “Guidelines for the Packaging, Labelling and Storage of Scheduled Waste in Malaysia” ; • Semua kakitangan yang mengendali buangan terjadual perlu dilatih berdasarkanSOP, keselamatan, dan ERP sekurangnya sekali setahun; • Menjalankan pemeriksaan stor penyimpanan secara berkala; • Amalan kekemasan perlu dipraktikkan; • Menyediakan papan tanda. Papan tanda untuk “Waste Oil Storage Area” atau “Product storage Area” perlu diletakkan di kawasan yang stategik, di hadapan stor penyimpanan; dan • Kawasan ‘dilarang merokok’ dan ‘dilarang makan dan minum’ . <p><u>Stor penyimpanan (Selain tangki penyimpanan):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan penyimpanan perlulah dihadang sepenuhnya; • Kawasan penyimpanan (stor penyimpanan buangan berjadual, bahan kimia, stor SW409, dan SW410) perlulah dilengkapi dengan sistem perparitan dan kawasan takungan;
--	--	--

		<ul style="list-style-type: none"> • Air sisa dari tumpahan yang terkumpul di “sump” / perangkap minyak perlulah disimpan di dalam tangki simpanan SW307 & SW311; • Lantai dikonkritkan dan dilapisi dengan bahan kesat dan kalis asid; • Merekabentuk keupayaan lantai yang sesuai bagi menampung bebanan peralatan dan bahan-bahan yang disimpan; • Stor penyimpanan untuk sisa buanagn berjadual perlulah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) “Guidelines for the Packaging, Labelling and Storage of Scheduled Waste in Malaysia” ; • Merekabentuk persekitaran kilang yang bertutup dan pengudaraan yang baik; • Menyediakan latihan berkaitan SOP, keselamatan, dan ERP sekurang-nya sekali setahun; • Menjalankan pemeriksaan stor penyimpanan secara berkala; • Bahan buanagn berjadual perlulah disusun mengikut kategori, jenis dan saiz; • Memastikan barang di dalam stor disusun dengan baik supaya mempunyai ruang yang mencukupi bagi pergerakan keluar masuk “fork lift” untuk kerja pembersihan; • Papan tanda(“Incoming Waste Storage Area” ; “Product Storage Area” , “Waste Oil Storage Area” dan “Scheduled Waste Storage Area”) perlu diletakkan di tempat yang strategic; dan • Kawasan ‘dilarang merokok’ dan ‘dilarang makan dan minum’ . <p><u>Proses Pemulihan Sisa Buangan Berjadual</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan “Industrial Effluent Characteristics Study (IECS)” berkenaan reka bentuk terperinci dan pemasangan loji rawatan; • Melantik pekerja yang berkelayakan untuk mengendalikan “WWTP” ; • Menjalankan pemeriksaan system secara berkala; • Menjalankan pemantauan WWTP; • Mematuhi SOP untuk pengendalian WWTP; dan • Menjalankan analisis berkala untuk WWTP. <p>Mengurangkan penggunaan air bagi mengurangkan penghasilan air sisa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan gambarajah keseimbangan penggunaan air untuk menunjukkan kadar pengurangan air yang boleh dibuat; • Mengkaji kadar penggunaan air setahun;
--	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> • Sistem penyejukan litar tertutup perlu digunakan sekiranya perlu; • Air perlulah dikitar dan dirawat semula bila perlu; • Efluen boleh dikitar semula secara terpilih, apabila kualiti sudah mencukupi, dan apabila kualiti mulai menurun; • Operator perlu mengenalpasti air yang dirawat dari “WWTP” boleh digunakan dan tidak boleh digunakan; • Menyedut, menggosok atau mengelap untuk membilas semasa aktiviti pembersihan tumpahan • Mengkaji skop penggunaan air basuhan; dan • Parit sisa air sisa dari industri perlu direka berasingan daripada parit tebatan banjir.
11.	Kualiti air disebabkan sisa dari pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Tangki septic yang dipasang perlu mendapat kelulusan dari IWK dan dipasang oleh kontraktor berlesen • Tangki septic yang dipasang perlu berjaya menampung 10% lebih daripada kapasiti anggaran; dan • Pastikan tangki septic dibersihkan berterusan oleh penyedia perkhidmatan (IWK).
12	Pencemaran udara dan pembebasan gas dari kerja pemulihan (SO ₂ , NO ₂ , HCl, PM ₁₀)	<p>Rekaan, pemasangan dan penyelenggaraan sistem kawalan pencemaran udara:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasang system kawalan pencemaran udara. Cth. : “scrubber” • Air yang terhasil dari “scrubber” adalah air tercemar dan akan menjalani proses penyulingan; • Proses penyulingan akan melakukan proses rawat dan kitar semula air untuk digunakan di dalam system “scrubber” di dalam proses pemulihan; dan • “Flues” dan “ductwork” akan dibersihkan secara berkala. <p>Langkah-langkah mengurangkan impak bau yang terhasil dari minyak tercemar adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dilengkapi dengan kipas industri untuk mengurangkan kepekatan bau yang terhasil dari minyak tercemar; • Menjadualkan pemantauan untuk “aerosol” ; • Menyediakan kawasan rehat yang tertutup/ berasingan untuk pekerja; • Menyediakan ruang terbuka untuk bagi memudahkan pergerakan udara di kawasan pemprosesan; • Menyediakan pegudaraan dan kawalan pencemaran udara yang baik di ruang penerimaan

		<p>, penyimpanan, dan pemrosesan yang mengakibatkan pencemaran udara;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan dan produk (SW410) akan disimpan di dalam “drum” dan dilabel dengan baik bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar; • MSB akan memastikan bekas yang digunakan untuk membawa “drum” dan penapis minyak ditutup dengan sempurna; dan • Menyediakan ruang pengudaraan yang mencukupi bagi mengelakkan bau yang terhasil dari proses pemulihan. <p>MSB perlu memastikan cerobong dari sistem kawalan pencemaran udara memenuhi kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian cerobong tidak kurang dari 3 meter dan tidak lebih dari 15 meter dari atas atap bangunan dengan jarak 5 kali ukuran cerobong yang tidak betul; • Kelajuan pembebasan gas dari cerobong perlulah melebihi 15m/saat semasa operasi biasa agar mendapatkan pembebasan yang mencukupi; • Tidak menggunakan penghalang di laluan akhir cerobong bagi meningkatkan kadar kelajuan pembebasan; • Pengesanan penggunaan tenaga pada kipas perlulah disertakan dengan sistem “extraction” ; • Memasang meter untuk mengawal suhu, penurunan kadar tekanan, pembebasan pencemaran; • Memasang alat penggera bagi mengesan masalah yang berlaku semasa operasi seperti masalah pam; dan • Pekerja perlulah diberi latihan yang mencukupi untuk menguruskan mesin dan jentera. <p>Impak dari pergerakan keluar masuk kenderaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan had kelajuan tidak melebihi 90km/jam di lebuh raya dan 60km/jam di jalan biasa; • Mematuhi had kelajuan yang ditetapkan untuk semua kenderaan di dalam kawasan tapak Projek dan di laluan masuk ke tapak Projek; • Hadkan kelajuan 15 km/ jam dalam kawasan tapak Projek; • Lori hendaklah diselenggara secara berkala bagi mengurangkan pencemaran udara;
--	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> • Laluan masuk ke tapak projek perlulah diturap bagi mengurangkan pencemaran udara disebabkan pergerakan kenderaan.
13.	Pencemaran bunyi semasa pergerakan kenderaan keluar masuk dan kerja-kerja operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Lori perlulah diselenggara dan diperiksa secara berkala; • Penyenyap bunyi harus digunakan untuk semua peralatan jenterayang bising • Pergerakan keluar masuk kenderaan di kawasan kilang pemulihan perlu dihadkan pada waktu siang sahaja (7.00am ke 7.00pm); • Peralatan dan kerja-kerja yang melibatkan bunyi bising perlulah ditempatkan jauh dari sempadan tapak Projek; • Memasang peralatan dan melakukan pemantauan di lokasi yang sesuai supaya bunyi yang dihasilkan mematuhi piawaian bunyi alam sekitar; • Pagar tertutup hendaklah dipasang jika tahap bunyi melebihi 60 dB (A) pada waktu siang dan 50 dB (A) pada waktu malam (dengan mengambil kira sumber lain atau bunyi iaitu daripada kenderaan, aktiviti dan lain-lain); dan • Penggunaan PPE oleh semua pekerja
14.	Impak pada keselamatan dan kesihatan	<p>.</p> <p><u>Pengurusan Risiko dan Komunikasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan langkah-langkah keselamatan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelan tindakan kecemasan, dan sebagainya; <p><u>Komunikasi Berkenaan Risiko</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Potensi risiko perlu dimaklumkan kepada penduduk berdekatan. Maklumat yang perlu disampaikan termasuklah sifat, magnitude, kepentingan dan cara-cara mengawal risiko. <p><u>Tindakan Kecemasan</u></p> <p>Perkara yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat kawalan kecemasan-Lokasi, kawalan pusat, kawalan asas dan sebagainya; • Melaporkan kecemasan; • Kerja-kerja pemindahan dan tempat berkumpul; • Kerja mencari dan menyelamatkan/ “first aid” ; • Pelan tindakan kecemasan-Siren kecemasan, sistem penggera kebakaran, sistem air kecemasan, pengesan gas dan haba, alat pemadam api, komunikasi kecemasan, dan sebagainya;

- “PPE” .

Pelan Pengurusan Kecemasan

Pelan pengurusan kecemasanperlu merangkumi:

- Peranan dan tanggungjawab setiap ahli “ERT” ;
- Langkah-langkah kawalan-Termasuklah langkah mengawal kebakaran, cara menggunakan alat bantuan pernafasan, memahami label dan sebagainya;
- Latihan kecemasan, cara membuat penilaian dan tindakan; dan
- Cara berkomunikasi dengan penduduk/jiran terdekat.

Menyemak dan mengemaskini “ERP”

- “ERP” perlu sentiasa disemak dan dikemaskini sekiranya perlu.

Melaporkan Kemalangan

- Setiap insiden/ kemalangan perlu dilaporkan dengan cara yang sistematik supaya tindakan yang sesuai boleh dilakukan bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang;
- Setiap kemalangan yang direkodkan perlu dikaji dan dikongsi untuk tujuan penambahbaikan.

Latihan untuk Pekerja

Latihan mengenai keselamatan dan pengurusan risiko semasa kerja operasi adalah seperti berikut:

- Garis panduan berkenaan cara dan tanggungjawab untuk mencegah dan mengawal kebakaran;
- Setiap pekerja perlu membiasakan diri dengan sumber kebakaran; dan
- Setiap pekerja perlu membiasakan diri dengan operasi dan bahan/ alat yang digunakan untuk mengawal kebakaran.

Langkah-Langkah Tindakan Kecemasan

Langkah-langkah tindakan kecemasan adalah seperti berikut:

- “PPE” yang perlu digunakan semasa kecemasan;
- Mengurangkan impak dari kemalangan kepada alam sekitar;

		<ul style="list-style-type: none"> • Berkomunikasi dengan agensi yang berkaitan (Polis, BOMBA, hospital, JAS, dan sebagainya) untuk menghasilkan pelan kawalan kecemasan berskala besar ; dan • Mengadakan latihan kebakaran secara berkala.
15	Pengurusan Sisa Pepejal	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan melakukan pembakaran terbuka; • Sisa pepejal perlulah disimpan dengan betul dengan mengamalkan amalan kebersihan yang baik; • Menggunakan tong sampah yang dicadangkan di tapak Projek; • Menyelaras pelupusan sisa pepejal dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk tujuan pelupusan di kawasan pelupusan sampah Sg Udang.
16	Pengurusan Sisa Berjadual	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan buangan terjadual hendaklah diuruskan mengikut Peraturan Sisa Terjadual, (SWR 2005) dan garis panduan lain yang berkaitan; • Buangan terjadual hendaklah dimaklumkan kepada JAS, disimpan dengan sempurna, dilabel, dan disimpan dalam stor penyimpanan sisa berjadual. • Stor penyimpanan bagi bahan buangan berjadual hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> - Dipasang benteng sepenuhnya bagi mengelakkan tumpahan; - Dilengkapi dengan sistem perparitan dan kolam takungan untuk mengumpul air sisa yang dihasilkan daripada aktiviti pembersihan; - Lantai stor penyimpanan perlulah dikongkrit dan disalut dengan salutan kalis asid dan tidak licin; - Reka bentuk keupayaan lantai yang mencukupi; - Ditempatkan dalam kawasan kilang yang tertutup, pengudaraan yang baik, dan terlindung daripada hujan dan angin; - Amalan pengemasan dan pengendalian stor yang baik; - Kawasan penyimpanan ditandakan dengan jelas "Kawasan Penyimpanan Sisa Terjadual"; - Dilarang merokok dan makan di dalam kawasan penyimpanan; - Buangan terjadual tidak boleh disimpan lebih daripada 20 MT atau tidak lebih daripada 180 hari selepas dihasilkan; - Bahan buangan terjadual hendaklah dihantar ke Kualiti Alam Sdn. Bhd; - Kenderaan pengangkut sisa terjadual perlu dilengkapi dengan peralatan keselamatan dan kecemasan; dan - Latihan mengenai 'SOP', keselamatan dan 'ERP' hendaklah diadakan setahun

		<p>sekali untuk semua kakitangan / pekerja yang terlibat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan sisa terjadual perlulah mematuhi panduan umum berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan jalan utama dan lebuh raya; - Kawasan sensitif, jalan tidak berturap dan jalan raya yang rosak harus dielakkan; - Jalan sesak dengan kepadatan trafik yang tinggi perlu dielakkan dan digunakan di luar waktu puncak; - Had laju tidak dibenarkan melebihi 90 km / jam di lebuh raya dan 60 km / jam di jalan raya biasa; - Sisa buangan akan dihantar terus kepada kemudahan berlesen; - Kenderaan dan pemandu harus mempunyai permit yang sah yang dikeluarkan oleh JAS; - Dokumentasi yang betul menggunakan "Consignment Note" . - Bekas penyimpanan dan kenderaan yang membawa buangan terjadual perlu jelas ditandakan dengan kod buangan terjadual; dan - Buangan terjadual yang diangkut perlulah disertakan dengan maklumat (Kad Sisa).
	Isu sosial disebabkan pengambilan pekerja asing	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan pemeriksaan kesihatan lengkap; • Menyemak sebarang rekod jenayah; • Memastikan pekerja berdaftar dengan Jabatan Imigresen; dan • Sentiasa memantau pergerakan pekerja.
19	Pelan peninggalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan penutupan perlu dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Melaka untuk diluluskan, enam (6) bulan sebelum Projek ditutup.